



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **409 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **12,014** kes (66.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Kedah (226 kes);
- Sabah (111 kes);
- Selangor (50 kes);
- Terengganu (8 kes)
- Johor (7 kes);
- Negeri Sembilan (6 kes); dan
- Pahang (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 15 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **589 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah

sebanyak **18,129 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolejangkitan COVID-19 adalah 5,945 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, Negeri Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 304 kes (51.6 peratus). Secara keseluruhan, sebanyak 91 kes (15.4 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara. Negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 27.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 150 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sembilan (9) kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya satu (1) kes.

Ingin dimaklumkan daripada 589 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **tiga (3) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara iaitu dari negara:

- Indonesia (2 kes daripada saringan *sign on* kapal di Sarawak); dan
- Ukraine (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada 586 kes **penularan di dalam negara**, 453 kes adalah warganegara Malaysia dan 133 kes adalah bukan warganegara.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 304 kes**
 - 165 kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 25 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 13 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Olive**; dan
 - 101 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 150 kes**
 - 125 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes saringan individu bergejala termasuk empat (4) kes mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 52 kes**
 - 50 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Pengkalan**.

- **Kedah: 31 kes**
 - 28 kes daripada Kluster Tembok; dan
 - Tiga (3) kes saringan individu bergejala.

- **Pulau Pinang: 16 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).

- **Negeri Sembilan: 11 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Kasturi; dan
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Sembilan (9) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Enam (6) kes**
 - Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - Dua (2) kes daripada Kluster baharu iaitu **Kluster Saguking**; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Bundle.
- **Sarawak: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Melaka: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).
- **Kelantan: Dua (2) kes** daripada saringan *sign on* kapal.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Pasir**.

Sehingga kini, terdapat **103 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **31 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru,

jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **170 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
168	12170	Sabah	Perempuan WN	54	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan penyakit kelenjar tiroid
169	15303	Sabah	Lelaki BWN	68	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis
170	13844	Sabah	Perempuan BWN	100	Hospital Duchess of Kent	-

* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu di negeri;

- Sabah – Satu (1) kluster;

- Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya – Satu (1) kluster;
- Perak – Satu (1) kluster; dan
- Wilayah Persekutuan Labuan – Satu (1) kluster.

1) KLUSTER OLIVE, SABAH

Kluster baru ini melibatkan daerah Hulu Langat di negeri Selangor dan daerah Kota Marudu dan Penampang di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-11489) telah dikenal pasti di Selangor hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah). Kes dikesan positif COVID-19 pada 2 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 16 lagi kes positif COVID-19.

2) KLUSTER BAH PASIR, NEGERI SEMBILAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Kluster baru ini melibatkan daerah Port Dickson di Negeri Sembilan dan daerah Putrajaya di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-14329) telah dikenal pasti hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah). Kes dikesan positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 15 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 82 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19;
- 74 individu negatif; dan
- Tiga (3) individu masih menunggu keputusan.

3) KLUSTER BAH PENGKALAN, PERAK

Kluster baharu ini melibatkan daerah Hulu Perak di negeri Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-14345 dan kes ke-14346) telah dikenal pasti hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah). Kes dikesan positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 5 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 15 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 330 individu telah disaring, di mana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19;
- 47 individu negatif; dan
- 277 individu masih menunggu keputusan.

4) KLUSTER SAGUKING, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kluster baru ini melibatkan daerah Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-15657) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kemasukan ke Hospital Labuan pada 11 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 15 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19;
- Tiga (3) individu negatif; dan
- 35 individu masih menunggu keputusan.

STATUS TERKINI KLUSTER UTAMA

Kluster ini mula dilaporkan pada 10 Oktober 2020 yang melibatkan daerah Gombak, Petaling dan Hulu Langat di negeri Selangor serta daerah Alor Gajah di negeri Melaka. Pada 15 Oktober 2020, sebanyak **105 lagi kes baharu** telah dikenalpasti dalam kluster ini, menjadikan jumlah kes setakat ini adalah **132 kes** (iaitu 131 kes telah dilaporkan di negeri Selangor serta 1 kes telah dilaporkan di negeri Melaka). Kes-kes ini melibatkan 107 bukan warganegara dan 25 warganegara Malaysia.

Kes indeks bagi kluster ini (iaitu Kes ke-15023) adalah lelaki warganegara Nepal berumur 28 tahun yang merupakan pengawal keselamatan di sebuah pusat membeli-belah di daerah Petaling. Kes mula mengalami gejala demam, batuk dan selesema sejak 22 September 2020. Kes dikesan positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020 melalui saringan kontak rapat dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan. Sebelum ini KKM mengesyaki kes ke-12549 sebagai kes indeks, namun hasil siasatan lanjut mendapati gejala beliau bermula lebih lewat berbanding kes ke-15023.

Pecahan bagi 132 kes positif COVID-19 telah dikesan dalam kluster ini adalah seperti berikut:

- 87 pekerja keselamatan
- 18 pekerja pembersihan
- 16 pekerja di beberapa premis pusat membeli-belah tersebut;
- Enam (6) pengunjung; dan
- Lima (5) ahli keluarga Kes ke-12549.

Sehingga 15 Oktober 2020, seramai 447 individu telah disaring, di mana:

- 132 kes dikesan positif COVID-19;

- 269 individu dikesan negatif; dan
- 46 individu masih menunggu keputusan.

Sehubungan itu, pusat membeli belah ini telah ditutup 11 sehingga 16 Oktober 2020 bagi proses nyah kuman dan pembersihan. Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif bagi kluster ini masih diteruskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat. Status terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh KKM.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

15 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	304	5,797
SELANGOR	150	2,964
W.P. KUALA LUMPUR	10 (1)	2,814
KEDAH	31	1,883
NEGERI SEMBILAN	11	1,095
JOHOR	0	829
SARAWAK	4 (2)	759
PAHANG	0	386
PULAU PINANG	16	369
PERAK	52	374
MELAKA	2	278
KELANTAN	2	173
TERENGGANU	0	157
W.P. PUTRAJAYA	1	121
W.P. LABUAN	6	92
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	589 (3)	18,129

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(15 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1	Utama	Selangor, Melaka	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah	105	132	447	132 (0)	0	107	0
2	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Larut Matang & Selama	76	1,519	6,845	1,503 (11)	15	92	1
4	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	14	23	314	23 (0)	0	3	0
4	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	11	89	2,087	82 (0)	6	0	1
5	Bah Manggis	Sabah, Selangor	Tawau, Kuala Langat	9	28	580	27 (0)	1	1	0
6	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau,	8	1,026	16,449	238 (1)	787	387	1

			Sandakan, Kinabatangan							
7	Tasik	Sarawak, Selangor	Miri, Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak	5	22	248	22 (0)	0	1	0
8	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak	3	34	255	34 (1)	0	1	0
9	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa	3	33	398	30 (0)	3	0	0
10	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras	3	32	207	31 (0)	1	0	0
11	Bina	Sabah	Beaufort, Sipitang	3	22	80	22 (0)	0	8	0

12	Bangau - Bangau	Sabah	Semporna, Tawau	2	432	990	225 (3)	206	80	1
13	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	1	190	2,683	189 (0)	0	20	1
14	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	1	117	679	104 (1)	13	11	0
15	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh	1	104	961	73 (0)	31	1	0
16	Bah Kasturi	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor	Seremban, Cheras, Titiwangsa, Petaling, Putrajaya, Klang, Kuala Langat, Hulu	1	20	539	19 (0)	1	0	0

				Langat, Gombak						
17	Kencana	Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak, Cheras, Johor Bahru, Batu Pahat, Pontian	1	18	118	18 (0)	0	0	0
18	Jalan Pantai	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	1	10	350	10 (0)	0	0	0
19	Bah Bundle	WP Labuan, Johor	Labuan, Johor Bahru	1	8	433	7 (0)	1	0	0

***BWN = Bukan Warganegara**